



**WAN Nor menunjukkan gambar kontena bersama rampasan rokok seludup di ibu pejabatnya di Jabatan Kastam Diraja Malaysia Perlis semalam.**

# Cubaan seludup rokok RM7.22 juta tumpas

Oleh **NUR NAZLINA NADZARI**

**KANGAR** – Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Perlis menumpaskan cubaan menyeludup 8.3 juta batang rokok bernilai RM7.22 juta menggunakan sebuah lori kontena berhampiran Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS), Bukit Kayu Hitam, Kedah, pada 21 Julai lalu.

Pengarah Kastam Negeri, Wan Nor Wan Mamat berkata, hasil pemeriksaan kira-kira pukul 10.30 malam itu, pihaknya menemui sejumlah rokok di dalam kenderaan berat yang dipandu lelaki tempatan berusia dalam lingkungan 40-an.

Katanya, suspek ditahan berdekatan ICQS, Bukit Kayu Hitam selepas memasuki negara dari Thailand.

“Suspek dalam perjalanan menghala ke selatan dengan membawa kesemua rokok berkenaan.

“Lelaki itu mengisytiharkan kesemua rokok terbabit sebagai pelembut fabrik dipercayai bagi mengaburi mata pihak berkuasa, bagaimanapun kita berjaya mengesan taktik berkenaan.

“Hasil pemeriksaan dalam kontena itu menemui pelbagai jenis rokok di dalam 300 kotak dengan logo pelembut fabrik,” katanya pada sidang akhbar di Ibu Pejabat JKDM Perlis di sini semalam.

Menurutnya, siasatan mendapati rokok seludup itu akan dijual serendah RM3 sekotak.

Ujarnya, pemandu kontena itu direman selama 14 hari bermula 22 Julai lalu untuk siasatan lanjut.

Kes disiasat di bawah Seksyen 133(1)(a) dan Seksyen 135(1)(a) Akta Kastam 1967 serta Seksyen 74(1)(a) Akta Eksais 1976.

Sementara itu, dalam kes berasingan, Wan Nor memberitahu, pihaknya merampas 54 bungkusan berisi 618 kilogram (kg) daun

ketum dalam dua serbuan berasingan pada 23 Julai lalu.

Menurutnya, rampasan pertama dibuat kira-kira pukul 9 pagi di sebuah kawasan bangsal yang tidak berpenghuni dan tidak berpagar melibatkan 228 kg daun ketum bernilai kira-kira RM8,640.

“Sindiket ini dipercayai menjadikan bangsal usang tersebut sebagai tempat menyimpan daun ketum sebelum diseludup ke luar negara,” katanya.

Ujarnya, serbuan kes kedua pula dilakukan kira-kira pukul 11 pagi dan merampas sebanyak 39 bungkusan plastik hitam mengandungi daun ketum seberat 390 kg bernilai RM12,900.

“Rampasan itu dibuat di dalam sebuah sampan di kawasan sungai di Pulau Ketam, Kuala Perlis dekat sini,”ujarnya.

Tambahnya, kes disiasat di bawah Seksyen 135(1)(d) Akta Kastam 1967 dan Seksyen 30(3) Akta Racun 1952.